1. Berikut ialah baki-baki yang terdapat dalam buku-buku Koperasi Mesti Untung Bhd pada 31 Disember 2012:

	RM	RM
Modal saham		32,500
Rizab berkanun		4,800
Rizab pendidikan		3,750
Akaun untung rugi		11,250
Bangunan Koperai	39,290	
Van Bermotor	8,000	
Peruntukan susutnilai van bermotor		2,400
Kelengkapan	5,000	
Peruntukan susutnilai kelengkapan		1,500
Stok pada 1 Januari 2012	3,260	
Belian	24,150	
Jualan		49,350
Alat tulis	120	
Elaun pekerja	780	
Belanja mesyuarat	270	
Air dan elektrik	860	
Pemiutang		3,960
Penghutang	4,710	
Bank	22,960	
Belanja runcit	110	
	109,510	109,510

Maklumat tambahan:

(i) Stok pada 31 Disember 2012 bernilai RM4,850.

(ii) Air dan elektrik terakru ialah RM90 dan belanja runcit terakru pula ialah RM60.

(iii) Van bermotor dan kelengkapan hendaklah di susut nlaikan pada kadar 10% setahun atas kos

(iv) Sebanyak 13% daripada untung bersih hendaklah dimasukkan ke dalam rizab berkanun dan 2% lagi ke dalam rizab pendidikan. Sebanyak 1% disumbangkan kepada ANGKASA.

(v) Dividen yang dicadangkan ialah sebanyak 10% setahun.

(vi) Sebanyak 4% dicadangkan untuk membayar rebat.

Dikehendaki:

(a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. (9)

(b) Kunci kira-kira pada 31 Disember 2012. (11)

2. (a) Namakan **dua** kaedah penentuan hasil dalam perakaunan rekod tak lengkap. [2]

(b) Jamal Harmoni, penjual peralatan sekolah seperti buku dan alat tulis mula beroperasi pada awal Januari 2011 di Taman Pantai Lagenda, Pekan. Pemiliknya, Encik Jamal berhasrat untuk membuat pinjaman bank. Beliau memerlukan bantuan anda untuk menyediakan penyata kewangan perniagaan.

Berikut adalah semua maklumat yang dapat disediakan untuk tujuan di atas.

1. Baki aset dan liabiliti pada 1 Januari 2012:

	RM
Perabot	15,000
Sewa prabayar	800
Air dan elektrik terakru	110
Inventori	2,500
Akaun belum bayar	900
Bank	5,200

2. Semua urus niaga jualan dibuat secara tunai. Kutipan hasil jualan dibankkan setelah membayar perkara-perkara berikut:

	RM
Upah pekerja	10,800
Ambilan	8,400
Air dan elektrik	1,450
Derma	200

Jumlah kutipan jualan yang dibankkan bagi tahun 2012 ialah RM72,000.

Sejumlah RM250 daripada hasil jualan masih lagi disimpan dalam mesin daftar tunai pada 31 Disember 2012.

3. Pembayaran yang dibuat dengan cek terdiri daripada:

	RM
Belian (Akaun belum bayar)	45,500
Sewa kedai	9,600

4. Semua belian dibuat secara kredit. Pulangan belian sepanjang tahun RM460.

5. Baki awal perabot dibeli pada 1 Januari 2011. Terdapat perabot baru yang dibeli dengan menggunakan cek sebanyak RM1,600 pada 1 Oktober 2012. Kadar susut nilai perabot setahun ialah 10% atas kos.

6. Sepanjang tahun 2012, alat tulis RM200 telah diambil untuk kegunaan anak-anak di sekolah.

7. Baki sebahagian aset dan liabiliti pada 31 Disember 2012:

	RM
Akaun belum bayar	1,500
Inventori	2,900
Air dan elektrik terakru	130

Dikehendaki:

(i) Sediakan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. [11]

(ii) Sediakan kunci kira-kira pada 31 Disember 2012. [7]

3 (a)Adakah sistem catatan tunggal terasing daripada sistem perakaunan? Jelaskan jawapan anda. (2)

(b)Nyatakan dua kebaikan sistem rekod tidak lengkap.(2)

(c)Yang berikut ialah maklumat tentang Perniagaan Sofiya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

	RM
Jualan	301,100
Diskaun diberi	15,400
Diskaun diterima	16,300
Tunai dibayar kepada pemiutang	133,500
Akaun pulangan jualan	3,700
Akaun pulangan belian	2,650
Akaun belum terima pada 1 Januari 2012	49,000
Akaun belum terima pada 31 Disember 2012	63,000
Akaun belum bayar pada 1 Januari 2012	23,800
Akaun belum bayar pada 31 Disember 2012	31,600

Dikehendaki :
Hitung amaun belian dan amaun tunai yang diterima daripada penghutang Perniagaan Sofiya. (5)

(d) Syarikat Hwang Dee Berhad merupakan syarikat terkemuka menjual alat ganti kereta di Bandar Sentul, Selangor. Syarikat ini menggunakan sistem inventori secara berterusan. Yang berikut ialah urusniaga belian dan jualan inventori syarikat sepanjang tahun 2012:

Tarikh	Belian (unit)	Kos Seunit (RM)	Jualan (unit)
Baki awal	20	200	-
Jan 1	-	-	10
3	40	120	-
7	20	100	-
15	-	-	40
20	60	130	-
25	30	110	-
31	-	-	70
	170		120

(1) Harga jualan seunit barang niaga ialah RM250.
(2) Belanja pentadbiran dan pemasaran ialah RM5,000.

Dikehendaki :

(i) Hitung inventori akhir dan kos barang dijual dengan menggunakan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) dan Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD). (7)

(ii) Sediakan Penyata Pendapatan bagi kedua-dua kaedah tersebut. (3)

4. (a) Nyatakan perbezaan antara perbelanjaan hasil dengan perbelanjaan modal, dan berikan **satu** contoh bagi setiap jenis pendapatan itu. [3]

(b) Bagi setiap urus niaga berikut, nyatakan prinsip perakaunan yang tidak dipatuhi dan sediakan catatan jurnal untuk membetulkan catatan urus niaga yang berkaitan.

(1) Syarikat Dekcom Berhad bercadang untuk membeli sebuah projektor LCD dengan harga tawaran RM8,000. Selepas proses tawar-menawar, syarikat berjaya mendapat pengurangan harga sebanyak RM1,000. Oleh yang demikian, aset itu telah dibeli secara tunai dan dilaporkan dalam kunci kira-kira syarikat pada nilai RM8,000.

(2) Satu kebakaran kecil telah berlaku di bilik stor Syarikat Teguh Sdn Bhd. pada penghujung tahun kewangan semasa. Kebakaran itu telah mengakibatkan kerosakan pada dinding stor yang perlu dibaiki semula dengan kos RM6,000. Kerja-kerja pembaikan telah bermula dan dijangka siap pada awal bulan berikutnya. Kos pembaikan itu telah dipermodalkan dan bayaran akan dibuat apabila kerja pembaikan siap sepenuhnya.

(3) Penghutang dagangan Perniagaan Fikri ialah RM12,000. Terdapat segelintir penghutang yang mengalami kesukaran untuk menjelaskan hutang mereka. Oleh sebab Perniagaan Fikri merupakan perniagaan yang baru ditubuhkan, maka peruntukan hutang ragu tidak dicatatkan. Sebanyak 5% daripada baki akaun penghutang dijangka tidak dapat menjelaskan hutang mereka.

(4) Perniagaan Rani membeli sebuah komputer pada harga RM5,000 pada 1 Julai 2012 dan telah didebitkan ke dalam akaun belian. Caj susut nilai sebanyak 10% setahun atas kos belum lagi diperuntukkan ke dalam buku kewangan perniagaan.

(5) Arina telah menyewa sebuah bangunan pada kadar RM1,200 setahun. Jumlah ini didebitkan ke dalam akaun sewa perniagaan walaupun 75% daripada bahagian bangunan digunakan untuk perniagaan dan 25% digunakan untuk kediaman keluarga. [10]

5.(a) Berikan 4 jenis kesilapan tidak ketara di Imbangan Duga dan contohnya. [4]

(b)Imbangan Duga bagi Syarikat Maju Enterprise pada 30 September 2012 menunjukkan baki sebelah debit melebihi baki kredit sebanyak RM 4,700 yang kemudian dimasukkan kedalam Akaun Tergantung .Pada akhir tahun kewangan ,untung bersih syarikat dicatatkan sebanyak RM 12,500.Kesilapan –kesilapan berikut telah dapat dikesan selepas catatan dalam lejar disemak.

1. Belian kredit sebanyak RM 8,500 telah didebitkan dengan betul ke akaun belian tetapi dikreditkan ke Akaun Pemiutang sebanyak RM 5,800.
2. Buku harian belian telah terlebih nilai RM 1,800.
3. Stok terkurang nilai sebanyak RM 1,500
4. Akaun Kawalan Penghutang telah terlebih nilai dibahagian debit sebanyak RM 500.
5. Selepas mengemaskini Buku Tunai didapati caj bank sebanyak RM 250 telah tidak dicatatkan .
6. Satu bil air berjumlah RM 150 yang belum dijelaskan telah ditemui di dalam fail lama syarikat
7 Cek bernilai RM 1,600 telah diterima sepenuhnya pada bulan tersebut .Jumlah ini telah pun dihapuskan pada tahun kewangan yang lepas.Ia dimasukkan dengan betul ke dalam Akaun Bank tetapi tidak dicatatkan di mana –mana buku .
8. Belanja membaiki bangunan berjumlah RM 1,000 telah salah catat ke dalam Akaun Bangunan
9. Cek yang telah dibayar kepada pemuitang Intan Berlian Enterprise sebanyak RM 4,200 telah didebitkan ke akaun Intan Permata Enterprise.
10. Baki debit dalam Akaun Gaji sebanyak RM 7,600 telah tersalah catat sebagai RM 6,700

Dikehendaki :

(i) Sediakan catatan jurnal untuk setiap perkara diatas [10]
(ii) Sediakan Akaun tergantung [6]

1. Penyata Pendpatan Koperasi Mesti Untung Bhd bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

		RM
Jualan		49,350 /
- Kos jualan		
Stok awal	3,260 /	
Belian	24,150 /	
	27,410	
- Stok akhir	4,850 /	22,560
Untung kasar		26,790 /
- Belanja:		
Alat tulis	120 /	
Elaun pekerja	780 /	
Belanja mesyuarat	270 /	
Belanja runcit	170 /	
Air dan elektrik	950 /	
Susut nilai van bermotor	800 /	
Susut nilai kelengkapan	500 /	3,590
Untung bersih		23,200 /
- Rizab berkanun	3,016 /	
Rizab pendidikan	464 /	
Angkasa	232 /	
Dividen	3,250 /	
Rebate	1,974 /	8,936
		14,264
+ baki awal		11,250 /
Baki akhir		25,514

19 x ½ = 9 ½ (max 9 markah)

Kunci kira-kira Koperasi Mesti Untung Bhd pada 31 Disember 2012 /

Aset Tetap			
Bagunan			39,290 /
Van Bermotor		8,000 /	
- Peruntukan susut nilai		3,200 /	4,800
Kelengkapan		5,000 /	
- Peruntukan susut nilai		2,000 /	3,000
			47,090
Aset Semasa			
Stok		4,850 /	
Penghutang		4,710 /	
Bank		22,960 /	
		32,520	
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	3,960 /		
Rebat jualan	1,974 /		
Air elektrik terakru	90 /		
Belanja runcit terakru	60 /		
Dividen dicadangkan	3,250 /		
Angkasa	232 /	9,566	22,954
			70,044
Diwakili oleh			
Modal saham			32,500 /
Rizab berkanun			7,816 //
Rizab pendidikan			4,214 //
Untung terkumpul			25,514 //

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta